

15 JUL 2000

PERDANA MENTERI AKAN RASMI PERSIDANGAN IAHA PADA 27 JULAI

KOTA KINABALU, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Persidangan Antarabangsa Persatuan Sejarawan Asia (IAHA) ke 16, di sini, pada 27 Julai.

Ini merupakan kali ketiga Malaysia diberi penghormatan untuk menganjurkan persidangan setiap dua tahun itu. Sebelum ini persidangan yang sama diadakan di Kuala Lumpur pada 1960 dan 1980.

Bagi tahun ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi tuan rumah kepada lebih 200 cendekiawan sejarah dari seluruh dunia.

Menurut kenyataan akhbar UMS yang dikeluarkan di sini, hari ini, IAHA akan membincangkan pelbagai isu termasuk sejarah ekonomi Asia, menghidupkan semula sistem agama dan nilai-nilai dan juga cabaran permodenan di rantau.

Antara yang akan menyampaikan ceramah di persidangan itu ialah Duta Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar dan bekas Presiden Perhimpunan Agung PBB, Tan Sri Razali Ismail.

Selain Razali, Profesor K.S.Jomo dan ahli sejarah Profesor Datuk Khoo Kay Kim kedua-duanya dari Universiti Malaya akan turut menyampaikan ceramah pada IAHA.

-- BERNAMA

HAK PR